

R GB 16-08 00188 BA463

aab

Mahathir - Alam Sekitar 3 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia akan menjelaskan keadaan secara bertanggungjawab jika ia nampak perlu berbuat demikian tetapi +kalau mereka hendak lancarkan +peperangan, +apa boleh buat+.

Perdana Menteri berkata, masalah orang Penan hanya merupakan satu pertemuan baru oleh mereka yang hanya digunakan untuk menekan negara-negara kecil.

Mereka sememangnya berniat untuk menguasai negara ini tetapi tidak dapat berbuat demikian secara politik, jadi dengan cara tidak langsung akan menggunakan apa sahaja untuk menjajah negara-negara seperti Malaysia yang sudah membangun sedikit dan berani bercakap sedikit, katanya.

Menurutnya, mereka ingin melihat orang Penan menjadi satu bahan pameran di muzium supaya mereka dapat datang melihat saki baki orang-orang tua, sebagai orang hutan yang tidak perlu mendapat rawatan, penjagaan dan penyel

Beliau berkata, orang +Aborigine+ di Australia- dan orang +Red-Indian+ di Amerika Syarikat sekarang ini menjadi orang-orang yang ketinggalan zaman jika dibandingkan dengan orang Penan dan mereka hendak menjadikan orang Penan seperti itu.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, kita berniat supaya orang Penan akan mendapat samanikmat dengan rakyat Malaysia yang lain. -- Lagi

♥16/08/13-17MST

CNS9450

R GB 16-08 00075 BA468

aab

Mahathir - Alam Sekitar 4 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa untuk membalas perbuatan pergerakan-pergerakan yang mencemarkan nama baik Malaysia itu.

Katanya, Malaysia diberitahu oleh negara-negara asal pergerakan itu bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perbuatan pergerakan-pergerakan berkenaan.

+Kita diberitahu bahawa kerajaan mereka baik, cuma orang-orang ini tidak baik, tetapi kesannya sama kepada kita, +katanya. -- Bernama

♥16/08/14-59MST